



18 OCT, 2021

## Malaysia guna kepakaran tempatan bangunkan vaksin Covid-19

Harakah, Malaysia



Page 1 of 3

## Malaysia guna kepakaran tempatan bangunkan vaksin Covid-19

Oleh  
**NOR HAZWANI NOH**

**KUALA LUMPUR:** Dua teknologi vaksin Covid-19 sedang dibangunkan oleh Institut Penyelidikan Perubatan (IMR), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menggunakan teknologi vaksin berasaskan mRNA dan virus ternyahaktif.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Ahmad Amzad Hashim, berkata pembangunan vaksin ini dilaksanakan secara strategik membabitkan IMR dan KKM bersama penyelidik daripada Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Institut Penyelidikan Veterinar (VRI).

Pada masa ini, katanya kedua-dua projek berkenaan masih di pe-

ringkat makmal, iaitu bukti konsep sebelum fasa kajian praklinikal dilaksanakan.

"Status terkini pembangunan vaksin Covid-19 di IMR, vaksin virus ternyahaktif berada di tahap penyahaktifan virus, manakala vaksin mRNA sedang menjalani proses 'in vitro transcription'," katanya menjawab soalan lisan Ahmad Yahaya di Dewan Negara, pada Selasa.

Ahmad Amzad berkata, melalui kemahiran menjalankan pembangunan vaksin Covid-19, teknologi vaksin tersebut boleh digunakan untuk menghasilkan vaksin bagi mencegah jangkitan bakteria atau virus yang lain serta rawatan penyakit kronik.

► **H3 & H6**



**Dato' Ahmad Amzad Hashim**



18 OCT, 2021

## Malaysia guna kepakaran tempatan bangunkan vaksin Covid-19

Harakah, Malaysia



Page 2 of 3

## Malaysia guna kepakaran tempatan bangunkan vaksin

Oleh **NOR HAZWANI NOH**

**KUALA LUMPUR:** Dua teknologi vaksin Covid-19 sedang dibangunkan oleh Institut Penyelidikan Perubatan (IMR), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menggunakan teknologi vaksin berasaskan mRNA dan virus ternyahaktif.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Ahmad Amzad Hashim, berkata pembangunan vaksin ini dilaksanakan secara strategik membabitkan IMR dan KKM bersama penyeliidik dari Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Institut Penyelidikan Veterinar (VRI).

Pada masa ini, katanya kedua-dua projek berkenaan masih di peringkat makmal, iaitu bukti konsep

**Dato' Ahmad Amzad Hashim**

sebelum fasa kajian praktikal dilaksanakan.

"Status terkini pembangunan vaksin Covid-19 di IMR, vaksin virus ternyahaktif berada di tahap penyahaktifan virus, manaka-

la vaksin mRNA sedang menjalani proses '*in vitro transcription*,'" katanya menjawab soalan lisan Ahmad Yahaya di Dewan Negara.

Ahmad Amzad berkata, melalui kemahiran menjalankan pembangunan vaksin Covid-19, teknologi vaksin tersebut boleh digunakan untuk menghasilkan vaksin bagi mencegah jangkitan bakteria atau virus yang lain serta rawatan penyakit kronik.

Katanya, kerajaan juga sedang membangunkan Pelan Pembangunan Vaksin Negara untuk memastikan Malaysia mampu menjadi negara pengeluar vaksin manusia pada masa akan datang dan tidak hanya terikat kepada vaksin Covid-19.



18 OCT, 2021

# Malaysia guna kepakaran tempatan bangunkan vaksin Covid-19

Harakah, Malaysia



## SUMMARIES

KUALA LUMPUR: Dua teknologi vaksin Covid-19 sedang dibangunkan oleh Institut Penyelidikan Perubatan (IMR), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) m e n g g u n a k a n teknologi vaksin berasaskan mRNA dan virus ternyahaktif. T i m b a l a n Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Ahmad Amzad Hashim, berkata pembangunan vaksin ini dilaksanakan secara strategik membabitkan IMR dan KKM bersama penyelidik daripada Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Institut Penyelidikan Veterinar (VRI).